

Headline	Kertas, pensel teman setia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	407,786
Page No	V14	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	748 cm ²
Journalist	Siti Nor Hidayatidayu Razali	AdValue	RM 27,520
Frequency	Daily	PR Value	RM 82,560



Kertas, pensel teman setia

Shira tak malu cari pelanggan di pasar raya untuk lukis karikatur walaupun ada ijazah seni bina landskap

Siti Nor Hidayatidayu Razali
sitinor@mediaprima.com.my

Kertas lukisan bersaiz A4 dan beberapa batang pensel warna menjadi teman setia gadis ini yang mengabdikan diri kepada lukisan karikatur.

Lukisan pelbagai warna, putih dan hitam itu memberi inspirasi kepadanya untuk terus berusaha dan menempa nama setanding pelukis lelaki.

Pelukis karikatur wanita yang sedang meningkat naik, Siti Rohaida Abd Rahim, 28, atau lebih dikenali sebagai Shira berkata, dia terbabit dalam bidang lukisan karikatur sejak empat tahun lalu selepas memiliki Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap Universiti Teknologi Mara.

Walaupun lari daripada bidang pengajian, tetapi dia mampu menghasilkan lukisan yang baik kerana minatnya terhadap lukisan karikatur begitu mendalam.

Shira berkata, sejak berusia tujuh tahun dia amat meminati subjek lukisan. Setiap hari, dia tidak menghabiskan masanya dengan bermain, sebaliknya leka memegang pensel warna bersama kertas lukisan.

"Masa kecil saya mahu menjadi pelukis terkenal. Namun, cita-cita itu tidak

dapat diteruskan kerana kesibukan sebagai pelajar dan tidak mengambil seni lukis ketika belajar di sekolah menengah.

"Apabila masuk ke universiti pun, saya tidak terpilih untuk menyertai kursus lukisan, tetapi minat melukis tetap tersemat di hati," katanya.

Sebaik tamat pengajian dia terfikir untuk melakukan pekerjaan sendiri di rumah dan mula menasabah bakat melukis.

Pada awalnya dia hanya melukis secara suka-suka dan melakar gambar ahli keluarga serta rakan. Tidak disangka lakarnya mendapat pujian ramai. Mereka tidak menyangka dia mempunyai bakat terpendam seperti itu.

Sokongan daripada keluarga dan rakan yang menyuruhnya membabitkan diri dalam lukisan karikatur membuka pintu rezeki buat dirinya apabila mula men-

dapat tempat di hati peminat.

"Saya cuba memuat naik gambar lukisan di laman Facebook dan tidak menyangka apabila ramai tertarik dan mula membuat tempahan.

"Pada awal pembabitan, saya mengambil masa agak lama untuk menghasilkan satu lukisan manusia iaitu hampir satu jam dan terpaksa membuat di rumah saja.

"Selepas beberapa tahun terbabit dalam bidang ini, kemahiran saya makin bertambah dan kini hanya mengambil masa kira-kira 15 minit untuk menyiapkan lukisan," katanya.

Sekian lama berkecimpung dalam bidang itu, dia menjadi semakin cekap dan menggunakan masa singkat untuk membuat lukisan.

Katanya, untuk menjadi pelukis karikatur dia perlu teliti kerana mahu menghasilkan lukisan terbaik untuk pelanggan.

"Kebanyakan pelanggan berpuas hati dengan lukisan saya. Bukan mudah menjadi pelukis karikatur sepenuh masa kerana pendapatan bergantung kepada pekerjaan itu dan perlu ra-

jin untuk berjaya.

"Setiap minggu saya bersama beberapa rakan akan membuat siri jelajah ke pasar raya untuk mencari pelanggan dan akan berada di satu kawasan pada Sabtu dan Ahad," katanya.

Walaupun terpaksa menunggu dan seakan-akan meminta simpati ramai, namun ia adalah rezeki yang halal hasil titik peluh sendiri.

Tidak pernah malu dengan pekerjaan itu kerana ia boleh menjana pendapatan lumayan sekiranya rajin berusaha tanpa kenal erti putus asa.

Melalui promosi itu, dia mendapat ramai pelanggan yang tertarik dengan lukisan yang dihasilkan.

Sebagai pelukis karikatur sepenuh masa, dia menghadapi banyak cabaran apabila terpaksa bersaing dengan pelukis lelaki yang jauh lebih baik berbanding wanita.

Pelukis lelaki dilihat lebih cekap dalam menghasilkan lukisan dan betul-betul menyerupai bentuk wajah sebenar.

Namun, perkara itu tidak pernah menjatuhkan semangatnya kerana sentiasa mahu memperbaiki diri dalam menghasilkan lukisan terbaik setiap

Headline	Kertas, pensel teman setia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	407,786
Page No	V14	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	748 cm ²
Journalist	Siti Nor Hidayatidayu Razali	AdValue	RM 27,520
Frequency	Daily	PR Value	RM 82,560

masa.

“Setiap hari saya akan membuat satu lukisan tidak kira wajah siapa dan kadang-kadang akan melukis berulang kali wajah ahli keluarga tersayang.

“Dengan cara ini saya dapat meningkatkan kemahiran diri dan menjadi lebih cekap dalam menghasilkan satu lukisan,” katanya.

Shira berharap lebih ramai lagi wanita terbabat dalam bidang ini. Memang ada beberapa rakan pelukis wanita, namun mereka tidak mahu menonjolkan diri kerana kekurangan masa untuk melakukan tugas itu.

Menurutnya, tidak rugi menceburkan diri dalam bidang lukisan karikatur yang semakin dikenali dan mendapat sokongan banyak pihak.

“Dalam bidang kreatif, kerajaan memberi bantuan kepada mereka yang mahu mengkomersialkan bidang ini dan peluang ini perlu diambil pelukis muda,” katanya.

Malah, dia turut menawarkan khidmat mengajar melukis kepada wanita yang serius untuk terbabat dalam bidang ini. Untuk melihat hasil lukisan tangan Shira yang unik boleh layari facebook di Cyiraa Rahim.

Headline	Kertas, pensel teman setia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	407,786
Page No	V14	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	748 cm ²
Journalist	Siti Nor Hidayatidayu Razali	AdValue	RM 27,520
Frequency	Daily	PR Value	RM 82,560

